

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mengenai perkara-perkara berikut :-

- a) jumlah rumah skim PPRT di Kedah dan jumlah penerima bantuan untuk membina rumah PPRT di atas tanah milikan sendiri; dan
- b) kaedah-kaedah lain membantu golongan asnaf memiliki rumah sendiri.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Bagi tahun 2019, sebanyak 76 unit rumah bina baru dan 703 baik pulih rumah daif telah dilaksanakan untuk negeri Kedah melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Manakala untuk tahun 2020, sebanyak 60 unit bina baru dan 1,100 unit baik pulih rumah disasarkan.

2. Berdasarkan kepada Tatacara Pelaksanaan PPRT, pembinaan unit bina baharu hanya boleh dilaksanakan ke atas penama yang memiliki tanah atau mendapat kebenaran dari pemilik tanah sekiranya bukan tanah milik sendiri.

3. Bagi pemohon yang tidak mempunyai tanah sendiri, bantuan PPRT tidak dapat diberikan. Namun sekiranya terdapat inisiatif dan kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak yang bersesuaian di atas tanah milik Kerajaan Negeri, Kementerian bersedia menyediakan bantuan ini.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, sumber data utama bagi mengenal pasti penerima bantuan adalah melalui Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) dan senarai daripada *Focus Group* Daerah/ Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian turut menerima permohonan secara individu/ berkelompok serta aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Selain itu, bagi memastikan tiada golongan yang tertinggal, Kementerian turut mengadakan program *Search and Assist* yang dilaksanakan oleh pegawai kementerian serta agensi. Kepelbagaian sumber data penerima PPRT memastikan bantuan dapat diberikan dengan lebih menyeluruh.

5. Kriteria kumpulan sasar penerima bantuan PPRT yang **LAYAK** adalah seperti berikut:

- a. disahkan sebagai miskin tegar atau miskin yang berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih); atau

- b. diperaku dan disahkan layak oleh Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri; atau
 - c. diperaku oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan; atau
 - d. diperaku oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian
6. Selain memenuhi kriteria-kriteria kelayakan di atas, **keutamaan bantuan** diberikan kepada:
- a. warga emas;
 - b. orang kurang upaya (OKU);
 - c. ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan ramai; dan
 - d. mangsa bencana yang berskala kecil.
7. Secara umumnya, mana-mana pemohon yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan, layak untuk menerima bantuan walaupun tidak tersenarai dalam sistem eKasih.